

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD

KAWASAN : LIPIS

NO. SOALAN : 72

YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan mengapa ASEAN tetap melakukan integrasi ekonomi melalui ASEAN Economy Community (AEC) pada tahun 2015 walaupun prasyarat AEC belum tercapai atau dipenuhi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya menjelaskan bahawa ASEAN telah mengorak langkah secara progresif untuk memperkuatkannya integrasi ekonomi serantau sejak 1990s dengan termeterainya Perjanjian Rangka Kerja Memperkuatkannya Kerjasama Ekonomi ASEAN (*Framework Agreement on Enhancing ASEAN Economic Cooperation*) pada 1992 dan Perjanjian Skim Keutamaan Sama Rata (*Agreement on the Common Effective*

Preferential Tariff - CEPT) di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada 1993.

Begitu juga dengan fasilitasi dan liberalisasi aktiviti dalam sektor perkhidmatan dan pelaburan antara Negara-negara anggota ASEAN yang telah mula beroperasi sejak termeterainya Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan (*ASEAN Framework Agreement on Services* - AFAS) pada 1995 dan Perjanjian Rangka Kerja Kawasan Pelaburan ASEAN (*Framework Agreement on the ASEAN Investment Area* – AIA) pada 1998 yang kemudian telah diganti dengan Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (*ASEAN Comprehensive Investment Agreement* - ACIA) pada 2012.

Pelan Tindakan AEC merupakan satu pelan tindakan integrasi yang lebih komprehensif. Pelan ini telah diperakukan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan ASEAN pada November 2007. Melalui AEC, ASEAN berhasrat untuk mewujudkan satu pasaran tunggal dan pengeluaran. Komponen AEC merangkumi usaha untuk menjadikan ASEAN sebagai kawasan pembangunan ekonomi yang saksama (*equitable economic development*) dan memastikan ASEAN terus diintegrasikan dengan ekonomi global.

Pelaksanaan pelan ini dibahagikan kepada 4 fasa merangkumi fasa I (2008-2009), fasa II (2010-2011) dan fasa III (2012-2013). Kini ASEAN dalam pelaksanaan fasa terakhir iaitu fasa IV (2014-2015). Kemajuan setakat ini amat memuaskan, secara purata sebanyak 84% langkah-langkah AEC telah tercapai.

Malaysia sebagai pengurus ASEAN kini memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan ASEAN mencapai sekurang-kurangnya 90-95 peratus daripada langkah-langkah AEC.

Pembentukan AEC pada 31 Disember 2015 tidak bermakna ASEAN telah sampai pada garis penamat. Tanggal 31 Disember 2015 ini merupakan satu sasaran yang ASEAN tetapkan untuk diri sendiri supaya mendorong ASEAN menjadi sebuah pertubuhan antarabangsa yang dinamik dan berdaya saing. Langkah-langkah yang belum selesai dilaksanakan pada tahun 2015 akan terus dilaksanakan pada tahun 2016 dan seterusnya.

Secara kolektif, ASEAN merupakan pasaran yang ketiga dan ekonomi yang ke-7 terbesar di dunia. Ia juga merupakan rantau ekonomi yang dinamik yang dilihat sebagai pusat utama bagi pelaburan asing dan mempunyai potensi untuk menjadi kuasa ekonomi ke-4 terbesar dalam 10-20 tahun akan datang.

Pemimpin-pemimpin ASEAN sentiasa memantau kemajuan pelaksanaan langkah-langkah di bawah Pelan Tindakan Ekonomi ASEAN dan telah memperakukan bahawa ASEAN harus memperdalamkan integrasi demi kebaikan ekonomi serantau serantau serta memastikan pertumbuhan ekonomi ASEAN terus kekal dan rantau ini adalah berdaya saing bagi pelaburan dan perniagaan. AEC juga dilihat sebagai inisiatif yang boleh mempercepatkan perkembangan syarikat-syarikat ASEAN yang boleh menerokai pasaran antarabangsa.

Dengan menyedari hakikat ini, Pemimpin-pemimpin ASEAN telah bersetuju untuk mewujudkan satu pelan tindakan ekonomi yang baru (2016-2025). Malaysia kini mempengerusikan Pasukan Petugas Tertinggi

di Peringkat ASEAN untuk menentukan hala tuju Komuniti ASEAN menjelang tahun 2025. Dokumen ini akan dilancarkan semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 yang akan diadakan pada bulan November 2015 di Kuala Lumpur.

Cabaran terbesar yang dihadapi ASEAN ialah tahap kesedaran tentang peluang-peluang yang wujud dengan pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN adalah masih rendah di kalangan rakyat Malaysia. Bagi mengatasi perkara, Kerajaan telah merancang dan melaksanakan beberapa program untuk meningkatkan kesedaran.

Namun demikian, semua kerajaan ASEAN mempunyai komitmen tinggi kepada integrasi ASEAN serta pembentukan Komuniti ASEAN dimana aktiviti perdagangan dan pelaburan akan menjadi lebih mudah dan lancar serta mengurangkan kos untuk bermula bagi menarik lebih banyak pelaburan asing, termasuk industri-industri berteknologi tinggi, bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang berkualiti dan bergaji tinggi.